

D.R. 42/2007

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992.

[

1

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Pindaan) 2007.

Pindaan seksyen 5

2. Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 [*Akta 481*] dipinda dalam perenggan 5(\)(d) —

(a) dengan menggantikan perkataan "yang—" dengan perkataan "seperti yang berikut:";

(b) dengan menggantikan subperenggan (ii) dengan subperenggan yang berikut:

"(ii) sekurang-kurangnya seorang wakil daripada Kementerian yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pelancongan;" dan

Rang Undang-Undang

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subperenggan yang berikut:

"(iia) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan; dan".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda subperenggan 5(l)(d)(ii) Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 berikutan dengan pewujudan Kementerian yang berasingan bagi pelancongan. Pindaan ini akan mewujudkan peruntukan yang berasingan bagi wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelancongan (sekurang-kurangnya seorang) dan wakil Kementerian Kewangan (seorang) dalam Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2438]